

Muzik Tradisi SULIMBAG JAUTI

“Sulimbag Jauti” merupakan muzik bunyi-bunyian kaum Bajau yang terawal

Oleh **MAD SAKIRAN HAJI SULAIMAN**



Muzik “Sulimbag Jauti” sedang dimainkan oleh para pemuda masyarakat Bajau.

Kaum Bajau, terutama yang tinggal di daerah Semporna mempunyai pelbagai budaya yang boleh dikongsi bersama-sama kaum lain di negara ini. Bagi muzik tradisi, kaum Bajau mempunyai muzik yang dikenali dengan pelbagai nama yang hanya diketahui atau diguna pakai oleh kaum Bajau Semporna. Antaranya ialah “Sulimbag Jauti” yang dimainkan ketika sambutan majlis rasmi seperti perkahwinan dan ketika menyambut lawatan para pemimpin.

Muzik “Sulimbag Jauti” ini akan diiringi pula oleh para “pengalai” lelaki dan perempuan yang memakai

pakaian seragam berunsur budaya Bajau. “Sulimbag Jauti” merupakan muzik bunyi-bunyian kaum Bajau yang terawal kelahirannya mengikut sejarah penceritaannya dan diilhamkan oleh ketua masyarakat pada zaman kelahiran atau terbentuknya kesatuan kaum hampir 300 tahun lalu.

Pemimpin Bajau ketika itu bekerja sebagai nelayan dan meneroka hutan untuk berkebun. Seorang pemimpin Bajau yang sedang berehat pada sebatang kayu mengetuk-ngetuk jarinya pada batang kayu berkenaan. Semasa beliau mengetuk anak jarinya,

Warisan

Para penari yang mengiringi muzik "Sulimbag Jauti".

mulutnya turut berlagu tanpa syair. Ekoran daripada perbuatan itulah pemimpin berkenaan menamakan muzik itu dengan "Sulimbag Jauti".

Apabila kaum berkenaan mengadakan majlis perkahwinan dan acara-acara lain mereka menggunakan alat muzik tradisi yang dikenali dengan gong, tambur, kulintangan, dan gong leper. Kadang-kadang mereka juga mengetuk tepi gong itu dengan dua batang kayu sebesar anak jari yang bunyinya nyaring sekali.

Muzik "Sulimbag Jauti" ini juga digunakan untuk perawatan terutama bagi mereka yang memelihara jin. "Sulimbag" itu ertiannya bunyi alat muzik tradisi yang berlainan bentuk diketuk atau dimainkan serentak pada satu masa. "Jauti" itu ertiannya lembut, perlahan, dan mempunyai nilai seni yang tersendiri.

"Sulimbag Jauti" ini dimainkan oleh dua orang wanita yang bermain gitar utama dan sebagai tukang iring, dua orang lelaki mengetuk gong, dan seorang pemain tambur (rentak irama). Bunyinya

cukup perlahan dan amat sesuai bagi tujuan mengalai.

Di kebanyakan kampung di daerah berkenaan, terutama etnik Bajau tempatan, mereka membimbing anak-anak yang berusia tujuh tahun untuk mempelajari muzik tradisi "Sulimbag Jauti". Hampir-hampir setiap kampung yang berjumlah 177 buah kampung di Semporna mempunyai alat muzik "Sulimbag Jauti".

Kini "Sulimbag Jauti" telah ditenggelami oleh muzik moden dan tidak menjadi keutamaan lagi untuk dipersembahkan atau bagi memulakan majlis. Ada yang berpendapat bahawa muzik itu bising dan sudah tidak relevan lagi. Anak-anak muda yang diharapkan dapat meneruskan kesinambungan muzik berkenaan sudah ramai yang berhijrah ke bandar.

Kini, walaupun diadakan majlis keramaian yang berunsur budaya tempatan, muzik moden menjadi keutamaan dan muzik "Sulimbag Jauti" sekadar menjadi sebutan dan nostalgia sahaja.

**Kini
"Sulimbag
Jauti" telah
ditenggelami
oleh muzik
moden dan
tidak menjadi
keutamaan
lagi.**